

11 MAY 2002

MCA-Yakin/I

PEMIMPIN MCA YAKIN DAPAT KURANGKAN PERTANDINGAN DI BAHAGIAN

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Para pemimpin MCA sedang berusaha gigih untuk mengurangkan atau mengatasi pertandingan yang dihadapi oleh 40 daripada 166 bahagian MCA di seluruh negara, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata, 40 bahagian itu menghadapi pertandingan dengan kebanyakannya pertandingan bagi satu atau dua jawatan sahaja apabila pencalonan di tutup malam semalam.

"Itu benar, kami menghadapi masalah di 40 bahagian, tetapi saya juga gembira untuk memberitahu anda yang semua itu adalah masalah kecil, seperti hanya satu orang yang mengemukakan cabaran," katanya.

"Dalam beberapa bahagian, tiada langsung pertandingan sementara di bahagian-bahagian lain hanya dua orang bertanding untuk jadi perwakilan dan bukan cabaran besar," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Ketiga MCA mengenai pelaksanaan Rancangan Keamanan dan Kestabilan dalam parti.

Jawatankuasa sembilan anggota itu telah dibentuk untuk memastikan barisan pimpinan MCA di semua peringkat terus kekal sehingga 2005 dan ia merupakan sebahagian daripada rancangan keamanan dan kestabilan MCA yang diusulkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Dr Ling berkata kepimpinan parti akan berusaha gigih untuk memujuk pemimpin-pemimpin akar umbi dalam bahagian-bahagian yang menyaksikan pertandingan untuk mencari kompromi bagi memastikan satu "senarai tunggal" dalam jawatankuasa bahagian.

"Kita mempunyai beberapa hari lagi, kita akan berusaha gigih, dan berharap untuk mengurangkan sebanyak mungkin pertandingan di bahagian-bahagian," katanya.

Beliau menyatakan keyakinan yang beberapa daripada mereka yang mengemukakan pencalonan untuk bertanding akan menarik diri.

Pemilihan bahagian dijadualkan pada Rabu (15 Mei) sementara pemilihan bagi Pemuda dan Wanita akan diadakan sehari lebih awal.

Mengetuai senarai bilangan pertandingan ialah Selangor dengan 11 daripada 17 bahagian menyaksikan pertandingan, disusuli oleh Pulau Pinang dengan lima daripada 11 bahagian dan Johor dengan lima daripada 25 bahagian.

Ditanya mengapa Selangor mencatatkan pertandingan paling banyak, Dr Ling berkata negeri itu sangat kompetitif dan ini mungkin satu daripada sebabnya.

Timbalan Presiden Datuk Lim Ah Lek apabila ditemui selepas mesyuarat itu juga menyatakan keyakinan yang penyelesaian dapat dicapai di bahagian-bahagian yang menyaksikan pertandingan.

"Secara keseluruhannya, bukan banyak bahagian yang menghadapi masalah serius, kita masih boleh menyelesaikannya," kata beliau.

Lim berkata kepimpinan parti akan berusaha sedaya yang boleh dalam beberapa hari ini bagi memastikan bahagian-bahagian yang terlibat dalam pertandingan akan muncul dengan senarai tunggal.

"Lima atau enam bahagian hadapi cabaran sengit dan bukan mudah untuk dirundingkan tetapi kita tetap akan berusaha dan akan cuba menyelesaikan masalah," katanya.

Ditanya jika beliau terkejut yang 24 peratus daripada Bahagian dalam MCA menyaksikan pertandingan, Lim berkata "beberapa daripadanya kecil, oleh

kerana itu ia tidak mengejutkan".  
-- BERNAMA  
AT ZS PR